



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

OSC KDN TIDAK BERURUSAN DENGAN ORANG TENGAH DAN AGENSI TIDAK SAH

Pusat Sehenti (One Stop Centre – OSC) Pengurusan Pekerja Asing Kementerian Dalam Negeri (KDN) hanya berurusan dengan majikan pekerja asing (pengarah/pegawai syarikat yang diwakilkan) atau pemegang Lesen C Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang dilantik secara sah (bagi urusan tertentu sahaja) oleh majikan dalam urusan berkaitan pengurusan pekerja asing.

Individu yang gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri sebagai pengarah/pegawai syarikat yang diwakilkan atau APS berlesen C tidak dibenarkan memasuki premis OSC KDN. Pekerja APS wajib mempamerkan dokumen pengenalan diri APS sepanjang berurusan di OSC KDN dan mengemukakan surat pelantikan agensi oleh majikan pekerja asing.

Mana-mana agensi/individu yang melakukan aktiviti agensi tidak berlesen merupakan **satu kesalahan di bawah Seksyen 7 Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246]** dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM200,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.